**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**
*(Ministry of Health Malaysia)*
**PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN**
Aras 5, Blok E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W.P Putrajaya

**TEL: 03-88834215 (AM)**
**FAX: 03-88886133**

---

Ruj. Kami : KKM 600-29/1/29 Jld. 2 (28)
Tarikh : 18 November 2020

SENARAI EDARAN

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BERIKUTAN SITUASI TERKINI COVID-19**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagai makluman Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (PKP KKM) amat prihatin terhadap kelangsungan penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian dalam situasi pandemik COVID-19 ketika ini. Mengambil kira faktor-faktor berikut:

- tiada pelaporan jangkitan kes COVID-19 atas sebab pengendalian pesakit di fasiliti perkhidmatan kesihatan pergigian KKM;
- kesiapsiagaan fasiliti perkhidmatan kesihatan pergigian; dan
- bekalan alat pelindung diri yang mencukupi,

maka, penyampaian rawatan pergigian yang terhad kepada kes kecemasan sahaja bagi klinik-klinik pergigian yang berada di zon kuning, merah dan kawasan yang diumumkan sebagai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat atau Diperketatkan perlu dikaji semula.

3. Sehubungan itu, **semua klinik pergigian kini boleh menjalankan semua jenis rawatan pergigian sama ada melibatkan *aerosol generating procedure* (AGP) atau tidak**. Jenis rawatan pergigian ini bergantung kepada kategori pesakit seperti di **Lampiran 1**. Pesakit berisiko rendah boleh menjalani semua jenis rawatan pergigian, manakala pesakit berisiko tinggi hanya boleh menjalani rawatan pergigian kecemasan sahaja. Oleh yang demikian, jenis rawatan pergigian yang berdasarkan kepada **status zon** lokasi klinik pergigian kini **tidak lagi terpakai**.

4. Walau bagaimanapun, bagi memastikan keselamatan anggota kesihatan pergigian dan pesakit, langkah-langkah bagi mengurangkan risiko jangkitan semasa menjalankan rawatan pergigian AGP perlu ditekankan **(Lampiran 2)**. Ini termasuklah pemakaian **alat pelindung diri yang lengkap** dan bersesuaian terutamanya pemakaian *N95* atau *KN95 surgical mask* dan pematuhan kepada kawalan jangkitan silang. Langkah-langkah lain yang turut perlu dititikberatkan adalah seperti berikut:

- Penggunaan ubat kumur kepada pesakit sebelum memulakan rawatan pergigian AGP (1.0% - 1.5% *hydrogen peroxide* atau 0.2 – 1.0% *povidone iodine*);
- Penggunaan empangan getah bagi rawatan yang bersesuaian;
- Penggunaan *high volume suction*; dan
- Proses penyingkiran udara tercemar setelah rawatan AGP di bilik rawatan sebelum proses disinfeksi.

5. Susulan kepada arahan ini, Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik COVID-19 No. 2/2020 juga dalam proses penambahbaikan dan akan diedar setelah ianya selesai dikemaskini. Sukacita dimaklumkan, arahan ini perlu dibaca bersekali dengan garis panduan COVID-19 KKM yang boleh dicapai di pautan http://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduan-kkm.

6. Kerjasama YBhg. Datin/ tuan/ puan adalah diperlukan bagi memaklumkan perkara ini kepada semua anggota seliaan di bawah YBhg. Datin/ tuan/ puan dan seterusnya memastikan pelaksanaannya di peringkat klinik.

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, sila hubungi Dr. Azliza binti Dato' Zabha melalui e-mel di alamat drazliza@moh.gov.my. Segala kerjasama YBhg. Datin/ tuan/ puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR. NOORMI BINTI OTHMAN)**
Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

**SENARAI EDARAN**

1. Pengarah
   Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian
   Kementerian Kesihatan Malaysia

2. Pengarah
   Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian
   Kementerian Kesihatan Malaysia

3. Pengarah
   Bahagian Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian
   Kementerian Kesihatan Malaysia

4. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Sembilan
   Jalan Rasah
   70300 Seremban, Negeri Sembilan

**Melalui dan salinan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan**

5. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Melaka
   Tingkat 3, Wisma Persekutuan
   Jalan Business City, Bandar MITC
   75450 Ayer Keroh, Melaka

**Melalui dan salinan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Melaka**

6. Timbalan Pengarah Kesihatan (Pergigian) WP Kuala Lumpur & Putrajaya
   Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
   Tingkat 1, Blok C, Jalan Cenderasari
   50590 Kuala Lumpur

**Melalui dan salinan kepada Pengarah Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya**

7. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Sarawak
   Jalan Diplomatik off Jalan Bako
   93050 Kuching, Sarawak

**Melalui dan salinan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak**

8. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Johor
   Tingkat 4, Wisma Persekutuan, Blok B
   Jalan Air Molek
   80590 Johor Bahru, Johor

**Melalui dan salinan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Johor**

9. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Kelantan
   Tingkat 7, Bangunan KWSP
   Jalan Padang Garong, 15598 Kota Bahru, Kelantan

**Melalui dan salinan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan**

10. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Perak
    Aras 5, Bangunan Tabung Haji
    Jalan Koo Chong Kong, 30000 Ipoh, Perak

**Melalui dan salinan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Perak**

11. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Selangor
Tingkat 10 & 11, Wisma SunWay Mas
Lot 1, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C
40100 Shah Alam, Selangor

**Melalui dan salinan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Selangor**

12. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Pulau Pinang
Tingkat 7, Bangunan Persekutuan Pulau Pinang
Jalan Anson, 10400 Pulau Pinang

**Melalui dan salinan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang**

13. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Kedah
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Jalan Kuala Kedah
05400, Simpang Kuala, Alor Setar, Kedah

**Melalui dan salinan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Kedah**

14. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Sabah
Tingkat 1, Bangunan Persatuan India Sabah (SIA)
Jalan Mat Salleh, 88804 Kota Kinabalu, Sabah

**Melalui dan salinan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Sabah**

15. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Terengganu
Tingkat 1, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20920 Kuala Terengganu, Terengganu

**Melalui dan salinan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu**

16. Pengarah Pusat Pergigian Kanak-Kanak &
Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Pergigian) Georgetown
No. 3, Jalan Sepoy Lines, 10450 Pulau Pinang

17. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Pahang
Jalan IM 4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan, Pahang

**Melalui dan salinan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Pahang**

18. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Perlis
Lot 217, Mukim Utan Aji
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar, Perlis

**Melalui dan salinan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Perlis**

19. Timbalan Pengarah Kesihatan (Pergigian) WP Labuan
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
Pejabat Pergigian, Peti Surat 80544
87014, Wilayah Persekutuan Labuan

**Melalui dan salinan kepada Pengarah Kesihatan WP Labuan**

20. Ketua Pakar Perkhidmatan Patalogi Mulut dan Perubatan Mulut
    Unit Stomatologi
    Pusat Penyelidikan Kanser
    Institut Penyelidikan Perubatan
    Jalan Pahang
    50588 Kuala Lumpur

**Melalui dan salinan kepada Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan**

21. Pengarah Perkhidmatan Pergigian
    Cawangan Pergigian
    Bahagian Perkhidmatan Kesihatan
    Markas Angkatan Tentera Malaysia
    Kementerian Pertahanan Malaysia

22. Presiden Majlis Dekan
    Universiti Teknologi MARA
    Tingkat 19, Menara 2, Kompleks Sains & Teknologi
    40450 Shah Alam

23. Pengarah
    Institut Kanser Negara
    4, Jalan P7, Presint 7
    62250 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya

24. Pengarah
    Hospital Kuala Lumpur
    Hospital Kuala Lumpur
    50586 Jalan Pahang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

25. Pengarah
    Institut Kesihatan Negara
    Kompleks Institut Kesihatan Negara
    Jalan Setia Murni U13/52 Seksyen U13, Setia Alam
    40170 Shah Alam, Selangor

## KATEGORI PESAKIT

| Kategori Pesakit | Penjelasan |
|---|---|
| **Pesakit berisiko rendah**<br><br>Individu yang tidak memenuhi kriteria klinikal dan epidemiologi berdasarkan *kes definisi COVID-19 | a. Tiada tanda / gejala jangkitan COVID-19<br>b. Tiada sejarah menghadiri majlis atau pergi ke kawasan yang berkaitan dengan kluster COVID-19 atau zon merah<br>c. Tiada sejarah melawat / menetap di luar negara dalam masa 14 hari sebelum bermula gejala<br>d. Tiada sejarah kontak rapat dengan kes sah positif COVID-19 dalam masa 14 hari sebelum bermula gejala<br>e. Individu *Suspected Case* / *Probable* Case / Person Under Surveillance (PUS) yang disahkan negatif ujian RT-PCR<br>f. Pesakit telah sembuh dari jangkitan COVID-19 dan tiada tanda serta gejala selama 28 hari dari tarikh disahkan positif COVID-19 |
| **Pesakit berisiko tinggi**<br><br>Individu yang memenuhi kriteria klinikal dan epidemilogi berdasar *kes definisi COVID-19 | **a. *Suspected Case***<br><br>• Ada tanda / gejala jangkitan COVID-19<br>• Ada sejarah menghadiri majlis atau pergi ke kawasan yang berkaitan dengan kluster COVID-19 atau zon merah<br>• Ada sejarah melawat / menetap di luar negara dalam masa 14 hari sebelum bermula gejala<br>• Ada sejarah kontak rapat dengan kes sah positif COVID-19 dalam masa 14 hari sebelum bermula gejala<br>• Ada sejarah menghadiri majlis atau pergi ke kawasan yang berkaitan dengan kluster COVID-19 atau zon merah<br>• Ada sejarah kontak rapat dengan kes sah positif COVID-19 dalam masa 14 hari sebelum bermula gejala<br><br>**b. *Probable Case***<br><br>• Individu (yang berkemungkinan dijangkiti COVID-19) dengan keputusan positif ujian RTK-Ag dan sedang menunggu keputusan ujian RT-PCR |

| Kategori Pesakit | Penjelasan |
|---|---|
| | c. ***Person Under Surveillance* (PUS) *for COVID-19***<br><br>• Tiada tanda / gejala<br>• Individu yang diberi arahan kuarantin di bawah pengawasan dan pemerhatian di rumah [*Home Surveillance Order* (HSO)]<br><br>d. **Kes sah positif COVID-19**<br><br>• Individu tanpa / ada tanda dan gejala klinikal yang disahkan jangkitan COVID-19 melalui ujian diagnostik makmal<br>• Pesakit yang dimasukkan ke hospital yang mengendali kes COVID-19 dan masih berada di dalam wad; ATAU<br>• Pesakit yang telah sembuh dari jangkitan COVID-19 dan telah didiscaj dari hospital tetapi kurang daripada 28 hari dari tarikh disahkan positif. |

Rujukan: ***Kes definisi COVID-19** dalam *Annex 1* (Garis panduan COVID-19 KKM) kemaskini 5 Oktober 2020 di pautan http://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduan-kkm/Annex%201%20Case%20definition%20COVID-19_28092020.pdf

## KATEGORI PESAKIT DAN JENIS RAWATAN / PPE / BILIK RAWATAN

| KATEGORI PESAKIT | RISIKO RENDAH | | | | RISIKO TINGGI | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| JENIS RAWATAN | • Semua jenis rawatan AGP / tanpa AGP | | | | • Rawatan kecemasan sahaja | |
| LOKASI KP | ZON HIJAU | | ZON KUNING / JINGGA / MERAH | | ZON HIJAU / KUNING / JINGGA / MERAH | |
| | TANPA AGP | AGP | TANPA AGP | AGP | TANPA AGP | **AGP |
| PPE | • *3 ply surgical mask*<br>• *Eye protection (goggles)*<br>• *Face shield*<br>• *Gloves*<br>• *Isolation gown (fluid-repellent long sleeve gown)* | • *3 ply surgical mask* / N95 mask / KN95 *mask*<br>• *Eye protection (goggles)*<br>• *Face shield*<br>• *Gloves*<br>• *Isolation gown (fluid-repellent long sleeve gown)* | • *3 ply surgical mask*<br>• *Eye protection (goggles)*<br>• *Face shield*<br>• *Gloves*<br>• *Isolation gown (fluid-repellent long sleeve gown)* | • **N95 / KN95 *mask***<br>• *Eye protection (goggles)*<br>• *Face shield*<br>• *Gloves*<br>• *Isolation gown (fluid-repellent long sleeve gown) with plastic apron* | • **N95 / KN95 *mask***<br>• *Eye protection (goggles)*<br>• *Face shield*<br>• *Gloves*<br>• *Isolation Gown (fluid-repellent long sleeve gown)* | • **N95 / KN95 *mask***<br>• *Eye protection (goggles)*<br>• *Face shield*<br>• *Gloves*<br>• *Isolation Gown (fluid-repellent long sleeve gown) with plastic apron*<br>• *Head cover*<br>• *Shoe Cover* |
| BILIK RAWATAN | • Bilik rawatan sedia ada | • Bilik rawatan isolasi khas untuk AGP | • Bilik rawatan sedia ada | • Bilik rawatan isolasi khas untuk AGP | • Hospital atau klinik (bagi kawasan yang terpencil) yang dikenal pasti<br>• Bilik rawatan isolasi khas | • Hospital atau klinik (bagi kawasan yang terpencil) yang dikenal pasti<br>• *Negative pressure room* / AIIR; atau<br>• Bilik rawatan isolasi khas untuk AGP |

** **Pilihan PPE semasa menjalankan AGP bagi pesakit berisiko tinggi :**

1. *Powered air-purifying respirator (PAPR), Isolation Gown (fluid-repellent long sleeve gown) with plastic apron / Coverall suit, Gloves, Eye Protection (face shield/goggles), Boot cover/shoe cover;* **atau**
2. *Coverall suit, N95 mask, Eye Protection (face shield/goggles), Gloves, Boot cover/shoe cover;* **atau**
3. *N95 mask, Isolation Gown (fluid-repellent long sleeve gown) with plastic apron, Gloves, Eye Protection (face shield/goggles), Head cover, Boot cover/shoe cover*

Rujukan: *Annex 8* (Garis panduan COVID-19 KKM) di pautan - *http://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduan-kkm/Annex_8_IPC_MEASURES_IN_MANAGING_PUI_OR_CONFIRMED_COVID19_15.7.2020.pdf*